

# UMS capai penarafan lima bintang

UB 28.9.2016 B9  
KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus unggul dalam aspek tadbir urus pengurusan rekod universiti apabila menerima pengiktirafan melalui penarafan lima bintang dan sekali gus dinobatkan sebagai universiti awam (UA) terbaik dalam Pengurusan Rekod bagi tahun 2016.

Penarafan itu dicapai hasil dapatan audit yang dijalankan oleh Arkib Negara Malaysia terhadap pelaksanaan tadbir urus pengurusan rekod di UMS, baru-baru ini.

Pencapaian itu turut menyaksikan UMS sebaris dengan dua lagi UA, iaitu

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang turut menerima penarafan lima bintang, serta berada di hadapan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mendapat penarafan empat bintang.

Perkara itu diumumkan dalam satu acara penyampaian sijil penghargaan kepada wakil universiti awam bersempena Majlis Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik 2016 Peringkat Universiti Awam di bangunan Arkib Negara Malaysia, yang disampaikan



**KAKITANGAN** Jabatan Pendaftar UMS bergambar bersama sijil penarafan lima bintang Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik 2016.

oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Dr Junaida Lee Abdullah, kelmarin.

Pelaksanaan Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik

ke atas agensi-agensi kerajaan antara lain adalah bagi menilai dan mengukur prestasi pengurusan rekod bagi memastikan pelaksanaan program pengurusan rekod berada di tahap cemerlang, memberi pengiktirafan

kepada penjawat awam yang telah melaksanakan tadbir urus pengurusan rekod terbaik dan cemerlang, dan menggalakkan persaingan sihat dalam pembudayaan program pengurusan rekod yang kondusif.